

MLKN beri kelonggaran kepada belia tak hadir PLKN tahun ini

Mohd Rafi Mamat



ABDUL Aziz pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan PLKN 3.0 Siri 2/2025 di Kem Rejimen 505 Askar Wataniah Sungai Miang. FOTO Mohd Rafi Mamat

Pekan: Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) memberi kelonggaran dengan tidak mengenakan tindakan undang-undang pada belia yang berkeras tidak mahu menghadiri program berkenaan tahun ini.

Pengerusi MLKN, Tan Sri Abdul Aziz Zainal berkata, mengikut undang-undang di bawah Seksyen 18(1), Akta Latihan Khidmat Negara, sabitkan kesalahan mereka yang tidak menghadiri Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) boleh didenda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Katanya, pihaknya masih bertolak ansur dengan memberi kelonggaran pada belia yang tidak menghadiri PLKN sedangkan nama mereka telah disenaraikan untuk menghadapi program peringkat kebangsaan itu.

"Mulai tahun depan kita akan bertindak tegas pada belia yang tidak menghadiri PLKN tanpa sebarang alasan, mereka tidak seharusnya menolak tawaran berkenaan yang hanya mengambil masa cuma 45 hari berbanding tiga bulan sebelum ini."

"Kita menyediakan pelbagai kemudahan yang dianggap istimewa pada setiap pelatih sepanjang mereka mengikuti PLKN sebagai contoh kos makanan lebih RM3,000 bagi setiap peserta sepanjang program," katanya pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan PLKN 3.0 Siri 2/2025 di Kem Rejimen 505 Askar Wataniah Sungai Miang, dekat sini, hari ini. Seramai 257 pelatih lelaki tamat latihan selepas menyertai program itu sejak 11 Mei lalu.

Abdul Aziz berkata, pihaknya mendapati banyak kes belia yang dipanggil menyertai PLKN tidak menyertainya kerana ibu bapa yang tidak membenarkan, sedangkan anak mereka ingin menghadiri program berkenaan. Katanya, sepatutnya ibu bapa yang memberi sokongan dan galakan kepada anak mereka.

"Selepas ini pra-PLKN bermula di peringkat sekolah menengah membabitkan pelajar tingkatan empat sahaja, kemudian mereka menyertai PLKN sebenar dan selepas itu lanjutan PLKN apabila mereka belajar di universiti.

"Sebelum ini saya bertemu dengan ramai peserta lelaki, rata-rata mereka berpuas hati dapat menyertai PLKN dan berpendapat amat rugi bagi mereka yang tidak menyertai program berkenaan. Ramai dikalangan mereka menghadiri PLKN kali ini secara sukarela bukan diwajibkan.

"Pengambilan pelatih PLKN Siri 3 2025 dibuka bermula 17 Jun dan latihan bermula pada 7 September hingga 21 Oktober membabitkan tiga kem iaitu Kem 505, Kem Rejimen 515 (AW), Kuala Lumpur dan Kem Kluang, Johor. Seramai 1,300 pelatih lelaki dan wanita akan diterima," katanya yang akan terus berusaha menambah baik setiap modul PLKN.

Disiarkan pada: Jun 24, 2025 @
2:41pm